



**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PEMBEKALAN UBAT
UNTUK KEGUNAAN DALAM KAPAL**

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Universiti,
46350 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-7841 3200
Faks : 03-7968 2251
Laman web: <http://www.pharmacy.gov.my>

<i>Tarikh Kelulusan</i>	<i>27 Mac 2018</i>
<i>Tarikh Penguatkuasaan</i>	<i>27 Mac 2018</i>

© *Bahagian Penguatkuasaan Farmasi 2018*
Sebarang salinan dan cetakan semula
untuk tujuan komersil adalah dilarang dan
hanya dibenarkan untuk rujukan
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

**GARIS PANDUAN INI HANYALAH SEBAGAI PANDUAN DAN RUJUKAN
KEPADA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI DALAM TATACARA
PEMBEKALAN UBAT YANG MENGANDUNGI RACUN UNTUK KEGUNAAN
DALAM KAPAL.**

***Garis Panduan Pembekalan Ubat Untuk Kegunaan Dalam Kapal
dengan No. Ruj. Bil (3) dlm. KKM-55/201/005/01 bertarikh 1 April 2016
adalah dengan ini terbatal.***

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	4
	VISI, MISI, OBJEKTIF BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI	4
1.0	PENGENALAN	5
2.0	OBJEKTIF	5
3.0	SKOP	5
4.0	UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN	6
5.0	DEFINISI TERMA / TERMINOLOGI	6
6.0	GLOSARI	6
7.0	TATACARA PEMBEKALAN UBAT YANG MENGANDUNGI RACUN UNTUK KEGUNAAN DALAM KAPAL	6-8
	7.1 PEMBEKALAN	6-7
	7.2 PESANAN BERTULIS (WRITTEN ORDER)	7
	7.3 REKOD	7-8
8.0	RUJUKAN	8

PENGHARGAAN

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam memberikan sumbangan, buah fikiran, pengalaman, tenaga dan masa dalam usaha menghasilkan dan pengemaskinian garis panduan ini.

VISI PROGRAM FARMASI

Enhancing our nation's health through excellence in the practice of pharmacy

MISI PROGRAM FARMASI

Uphold legislations and improve policies to ensure quality of pharmaceutical products and services

Ensure effective and responsive organisational system towards sustainable quality services

Build capabilities and professionalism through talent development and workforce empowerment

Intensify collaboration towards best practices and standards

OBJEKTIF BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Memastikan penjualan, pembekalan, pemilikan dan pengiklanan substans, produk dan kosmetik mematuhi peruntukan undang-undang.

GARIS PANDUAN PEMBEKALAN UBAT UNTUK KEGUNAAN DALAM KAPAL

1.0 PENGENALAN

Merujuk kepada WHO International Medical Guide for Ships, semua kapal tertakluk kepada peraturan dibawah International Maritime Organization (IMO) dan International Labour Organization (ILO) dimana setiap kapal perlu mempunyai bekalan ubat yang mencukupi di dalam kapal. Ini adalah untuk memastikan rawatan awal dapat diberikan seandainya berlaku kecemasan atau berhadapan dengan masalah kesihatan yang tidak dijangka.

Pengurusan ubat di dalam kapal adalah dibawah tanggungjawab nakhoda kapal termasuk perolehan, penyimpanan dan penggunaan.

Pembekalan bahan psikotropik adalah tertakluk kepada Peraturan 33, Peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989 manakala pembekalan Dadah Berbahaya tertakluk kepada Peraturan 17, Peraturan Dadah Berbahaya 1952. Manakala pembekalan ubat yang mengandungi racun tidak dinyatakan secara spesifik dalam Akta Racun 1952.

2.0 OBJEKTIF

Garis Panduan ini menerangkan tatacara pembekalan ubat yang mengandungi racun untuk kegunaan dalam kapal.

3.0 SKOP

Panduan ini terpakai kepada mana-mana pihak yang membekalkan ubat kepada nakhoda kapal untuk kegunaan peti ubat di dalam kapal.

4.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

Undang-undang dan Pekeliling-pekelling yang berkaitan: -

- Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan-peraturannya
- Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya

5.0 DEFINISI TERMA/ TERMINOLOGI

Bagi tujuan garis panduan ini, definisi-definisi berikut adalah terpakai:

- 5.1 Racun : Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Racun 1952 iaitu bahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.
- 5.2 Bahan Psikotropik : Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 30 Akta Racun 1952 iaitu bahan yang disenaraikan dalam jadual ketiga Akta Racun 1952.
- 5.3 Pegawai Kesihatan Pelabuhan : Pegawai perubatan yang dilantik sebagai Pegawai Kesihatan Daerah di daerah dimana pelabuhan tersebut berada.

6.0 GLOSARI

- 6.1 IMO : International Maritime Organization
6.2 ILO : International Labour Organization

7.0 TATACARA PEMBEKALAN UBAT YANG MENGANDUNGI RACUN UNTUK KEGUNAAN DALAM KAPAL

7.1 PEMBEKALAN

- 7.1.1 Pembekalan hanya boleh dilakukan oleh seorang ahli farmasi yang mempunyai Lesen Jenis A Borong dibawah Akta Racun 1952.

7.1.2 Ahli farmasi berkenaan perlu terlebih dahulu menerima pesanan secara bertulis yang ditandatangani oleh nakhoda kapal dan disahkan oleh pegawai kesihatan pelabuhan atau pegawai penguatkuasa farmasi yang bertugas di pelabuhan di mana kapal berlabuh.

7.1.3 Perlu memastikan pesanan bertulis yang diterima adalah lengkap sebelum membuat sebarang pembekalan.

7.1.4 Pesanan bertulis tersebut perlu disimpan untuk tujuan pemeriksaan oleh pegawai penguatkuasa farmasi.

7.2 PESANAN BERTULIS (WRITTEN ORDER)

7.2.1 Pesanan Bertulis perlu mengandungi maklumat berikut:

- i. Nama nakhoda kapal.
- ii. Nama dan nombor pendaftaran kapal (Nama Kapal, Call Sign Kapal, Pelabuhan Daftar Kapal)
- iii. Alamat pelabuhan kapal berlabuh
- iv. Nama ubat yang mengandungi racun yang dipesan
- v. Kuantiti ubat yang mengandungi racun yang dipesan
- vi. Tujuan pembelian
- vii. Tandatangan nakhoda kapal
- viii. Pengesahan dari pegawai kesihatan pelabuhan atau pegawai penguatkuasa farmasi yang bertugas di pelabuhan di mana kapal berlabuh
- ix. Tarikh pesanan

7.3 REKOD

7.3.1 Setiap pembekalan perlu direkod dalam Buku Jualan Borong Racun dengan merekodkan butir-butir berikut:

- i. Nama nakhoda kapal
- ii. Alamat pelabuhan kapal berlabuh
- iii. Tarikh Penjualan
- iv. Nama ubat yang mengandungi racun yang dijual
- v. Kauntiti ubat yang mengandungi racun yang dijual
- vi. Tujuan pembelian
- vii. Tandatangan pembeli atau rujukan kepada pesanan bertulis yang diterima

8.0 RUJUKAN

- i. Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya.
- ii. WHO International Medical Guide for Ships, ^{3rd Edition}